

MENJENGAH ORANG ASLI

46 penuntut Kolej Kesebelas UPM turun padang jayakan program Jalinan Kasih di Kampung Orang Asli, Hulu Langat, Selangor



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmetro.com.my

Minat menuntut ilmu perlu dipupuk sejak kecil lagi. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

Bukan ibu bapa saja yang berperanan dalam hal ini malah masyarakat juga perlu menyemai semangat belajar dalam kalangan kanak-kanak.

Menyadari kepentingan menuntut ilmu, seramai 46 penuntut Kolej Kesebelas (K11), Universiti Putra Malaysia (UPM) turun padang menjayakan program Jalinan Kasih di Kampung Orang Asli, Hulu Langat, Selangor.

Program anjuran Kelab Eleventh Volunteer dengan kerjasama Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas ini bertujuan menerapkan minat dan semangat anak Orang Asli dalam menuntut ilmu di samping mengeratkan hubungan penuntut dengan masyarakat desa.

Julung kali diadakan, program ini turut mendapat sokongan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM.

Pengarah program, Siti Bassyrah Ibrahim, 23, berkata, pelbagai cabaran yang harus ditempuhi untuk menjayakan program ini.

"Kami mengambil masa hampir dua minggu untuk melakukan persiapan. Antara cabaran yang kami lalui adalah proses mendapatkan kelulusan daripada pihak universiti untuk menganjurkan program ini.

"Ternyata bukan mudah kerana kami perlu berurusan dengan banyak pihak untuk mendapatkan



PESERTA bergambar kenangan sebelum pulang ke UPM.



KANAK-KANAK Orang Asli teruja diajar aspek kebersihan.

kelulusan. Perancangan perlu dibuat dengan telus supaya aktiviti yang kami anjurkan mendapat sambutan penduduk di sana terutamanya kanak-kanak.

"Oleh itu, beberapa ahli jawatankuasa pelaksana bertanggungjawab mengadakan tinjauan awal dan berbincang dengan penduduk kampung untuk menentukan tarikh penganjuran," katanya.

Menurutnya lagi, mereka terpenggil untuk mendekati masyarakat Orang Asli kerana masih ramai kanak-kanak tidak mempunyai sijil beranak menyebabkan mereka tidak berpeluang ke sekolah.

"Kami rasa bertanggungjawab untuk berkongsi sedikit ilmu yang

dipelajari dengan kanak-kanak di sana. Perasaan teruja terpancar di wajah kanak-kanak Orang Asli ketika sesi perkongsian ilmu itu.

"Antara aktiviti perkongsian ilmu yang kami anjurkan adalah belajar membaca, mengeja, mewarna dan banyak lagi. Malah ibu bapa mereka juga mengambil pendekatan untuk belajar membaca dan mewarna.

"Faktor tidak bersekolah menyebabkan ramai yang buta huruf namun mereka tidak malu belajar. Semangat inilah yang patut menjadi contoh kepada anggota masyarakat lain," katanya.

Selain sesi perkongsian ilmu, penuntut juga



PESERTA mengajar kanak-kanak orang Asli membaca.

mengadakan ceramah kebersihan.

"Kami menunjukkan tayangan video dan paparan bergambar bagi menarik minat mereka.

"Pada sebelah petang pula, kami turut menganjurkan sukaneka dan bergotong-royong bersama penduduk kampung sebelum program berakhir.

"Saya berharap, pada masa akan datang kami berpeluang untuk mendekati masyarakat Orang Asli untuk terus menyumbang tenaga dalam aktiviti sukarelawan seperti ini," katanya.

Peserta, Suganthi a/p Selvadurai, 22, berkata, dia sering membabitkan diri dalam aktiviti sukarela

untuk membantu orang yang memerlukan bantuan.

"Bagi saya, menjadi tanggungjawab kami memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan pendidikan di peringkat sekolah rendah ataupun institusi pengajian tinggi.

"Justeru, melalui program ini yang dibantu pihak JAKOA, saya berasa amat bangga dapat membantu serba sedikit untuk menaik taraf hidup masyarakat Orang Asli," katanya.

Sebelum ini, Kelab Eleventh Volunteer aktif menganjurkan beberapa aktiviti sukarela antaranya program bersama anak yatim dan masyarakat Rohingya